



## UNTUK SIARAN SEGERA

# PERMATA SENI TARI HARUMKAN NAMA MALAYSIA DI JERMAN

KUALA LUMPUR, 9 Januari 2016 – YBhg. Datuk Sri Siti Azizah Abod, Pengerusi Jawatankuasa PERMATA hari ini mengumumkan kemenangan besar Delegasi Malaysia di 6th, International Arts Festival Winter Stars of Dresden, Germany pada 5 Januari 2016. Malaysia yang diwakili oleh PERMATA Seni Tari telah merangkul Anugerah Grand Prix (The Absolute Winner) serta memenangi kesemua enam (6) kategori yang dipertandingkan.

PERMATA Seni Tari yang telah menyertai pertandingan '6<sup>th</sup> International Arts Festival Winter Stars Of Dresden, Germany 2016' yang telah berlangsung pada 05 Januari 2016 bertempat di Societaetstheater, Dresden Germany. Pertandingan ini dianjurkan oleh International Charitable Foundation 'THE FESTIVAL BRIDGES' merupakan salah satu festival di bawah European Association of Folklore Festival (EAFF) – naungan UNESCO.

Penganjuran kali ke-6 pada tahun ini telah disertai sebanyak 9 buah negara iaitu Armenia, Bulgaria, Byelorussia, Republik Iran, India, Malaysia, Lithuania, Russia dan juga Germany. Daripada 9 buah negara yang menyertai festival ini sebanyak 60 penyertaan telah diterima oleh

penganjur melibatkan bidang muzik, tarian, nyanyian dan juga akrobatik. Kesemua bidang ini dipertandingkan dan diadili mengikut kategori umur penyertaan.

The 6th International Art Festival "Winter Stars of Dresden" adalah sebuah pertandingan serta festival seni yang bertaraf antarabangsa dan berprestij yang dilaksanakan di wilayah Dresden (dahulu dikenali sebagai Florence, Jerman). Penyertaan Pertandingan Antarabangsa tersebut adalah berkonsepkan pencungkilan bakat dalam kalangan generasi muda khususnya kanak-kanak dan remaja bagi kategori berkumpulan, solo dan berkumpulan serta yang melibatkan penyertaan negara antarabangsa.

Persaingan dalam pertandingan tersebut disahkan oleh Panel Penganjur berdasarkan penyertaan yang diterima oleh Panel. Jadual dalam pertandingan tersebut juga. Jadual program yang kompetitif untuk semua peserta ditentukan terlebih dahulu dan bergantung kepada umur peserta. Semua peserta harus menyediakan persembahan yang berdaya saing dalam had masa yang ditetapkan bagi setiap disiplin secara kompetitif iaitu 7 minit untuk Solo, duet dan pembentukan kecil dan 10 minit untuk berkumpulan dan kumpulan.

YBhg. Datuk Sri Siti Azizah Abod, Pengerusi Jawatankuasa PERMATA dan YBhg. Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN juga turut mengumumkan pencapaian PERMATA Seni Tari di dalam Pertandingan '6<sup>th</sup> International Arts Festival Winter Stars Of Dresden, Germany 2016'. Sebanyak 2 kategori umur telah disertai oleh PERMATA Seni melibatkan 6 penyertaan iaitu;

<b>KATEGORI UMUR</b>	<b>PENYERTAAN</b>		
Kanak-Kanak (9-12 Tahun)	Solo	Duet	Berkumpulan
Junior 1 (13-15 Tahun)	Solo	Duet	Berkumpulan

Daripada 6 penyertaan ini, PERMATA Seni telah memenangi hadiah tempat pertama (Laureate Of The First Grades) untuk ke enam-enam penyertaan yang disertai seperti berikut;

**KATEGORI: KANAK-KANAK (9-12 TAHUN)**

1. Solo: Adik Nur Jemima binti Marzuanto
2. Duet: Adik Mohamad Ashraf bin Mohd Nawawi  
Adik Habibah binti Abu Bakar
3. Berkumpulan: PERMATA Seni Tari  
Adik Mohamad Ashraf bin Mohd Nawawi  
Adik Chernervin Chitbanchong A/L Skein Chitbanchong  
Adik Muhamad Adam Mikhail bin Adzuar  
Adik Naufal Amirul bin Afzainizam  
Adik Raja Muhammad Shariff Ali bin Raja Azahari  
Adik Habibah binti Abu Bakar  
Adik Nur Jemima binti Marzuanto  
Adik Nur Syafiqah Aqeelah binti Safaruan  
Adik Nur Syafiqah Erdina binti Safaruan  
Adik Wan Nur Aisyah binti Baizuri

**KATEGORI: JUNIOR 1 (13-15 TAHUN)**

1. Solo: Adik Chew Jun Jie
2. Duet: Adik Arief Bryan Carlos  
Adik Nik Nur Amalin binti Nik Masauddin
3. Berkumpulan: PERMATA Seni Remaja (PSR) Tari  
Adik Chew Jun Jie  
Adik Arief Bryan Carlos  
Adik Muhammad Diniy Uzair bin Khalil  
Adik Muhammad Firdaus bin Nur Afandi  
Adik Muhammad Zulkarnain bin Amran  
Adik Aileen Sufiah binti Mahummar Gadaffi Sorilaut  
Adik Nik Nur Amalin bin Musauddin

Adik Nur Dinah Farzana binti Abdullah  
Adik Najla Syadiyah binti Hanis Muzafery  
Adik Nur Sabrina Elisya binti Sabri

Lebih membanggakan lagi, selain daripada memenangi hadiah tempat pertama (Laureate of the First Grades) untuk keenam-enam penyertaan, PERMATA Seni Tari juga telah dinobatkan sebagai JUARA KESELURUHAN atau 'ABSOLUTE WINNER, WINTER STARS OF DRESDEN 2016'.

Pencapaian serta kejayaan ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan kepada PERMATA Seni Tari yang buat julung-julung kalinya menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa sejak ditubuhkan 5 tahun yang lalu.

Secara tidak langsung pencapaian ini menjadi kayu pengukur sejauh mana bakat serta kemahiran anak-anak PERMATA Seni setara malahan lebih cemerlang lagi jika dibandingkan dengan anak-anak yang berbakat dari negara-negara lain yang menyertai pertandingan ini.

## LATIHAN DAN KOMITMEN PESERTA

Bagi menyertai pertandingan '6<sup>th</sup> International Arts Festival Winter Stars Of Dresden, Germany 2016', anak-anak PERMATA Seni Tari telah membuat persediaan serta persiapan yang rapi. Sebanyak 14 repertoire tarian telah dikoreografi oleh Koreografer PERMATA Seni Tari iaitu Encik Muhammad Akmal bin Ayob dengan dibantu oleh 6 jurulatih tari yang lain sebagai persiapan untuk menyertai pertandingan ini. Daripada 14 koreografi tarian, 2 dihasilkan untuk solo kanak-kanak (9-12 tahun), 2 koreografi untuk solo *Junior 1* (13-15 tahun), 2 koreografi untuk *duet* kanak-kanak (9-12 tahun), 2 koreografi untuk *duet Junior 1* (13-15 tahun), 3 koreografi untuk kumpulan kanak-kanak (9-12 tahun) dan 3 koreografi untuk kumpulan *Junior 1* (13-15 tahun).

Berikut merupakan 14 koreografi tarian yang dibawa oleh PERMATA Seni Tari untuk pertandingan tersebut;

<b>KATEGORI</b>	<b>PENYERTAAN</b>	<b>KOREOGRAFI &amp; NAMA TARIAN</b>
Kanak-kanak (9-12 Tahun)	Solo	1) Tarinai 2) Liuk Kerincing
<i>Junior 1</i> (13-15 Tahun)	Solo	3) Jog-It 4) Boy In The Band
Kanak-kanak (9-12 Tahun)	<i>Duet</i>	5) Ulit Bernai 6) Joget Samrah
<i>Junior 1</i> (13-15 Tahun)	<i>Duet</i>	7) Senang Tari 8) Salutari
Kanak-kanak (9-12 Tahun)	Berkumpulan	9) Gelanggang Lenggang 10) Selang Gilir 11) Ilham Santubong
<i>Junior 1</i> (13-15 Tahun)	Berkumpulan	12) Kasih Suntingan 13) Masri Medini 14) Zapin Rajuk Rindu

Latihan intensif selama 14 hari bagi mempelajari 14 tarian sebelum bertolak ke Dresden, Germany bukan sesuatu yang mudah untuk anak-anak ini. Namun begitu, berkat kesungguhan, disiplin, kerja kuat anak-anak dan tenaga pengajar serta sokongan yang tidak berbelah bagi daripada ibu bapa membuahkan hasil yang amat membanggakan.

YBhg. Datuk Sri Siti Azizah Abod, Pengerusi Jawatankuasa PERMATA turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kebudayaan dan Kersenenian Negara (JKKN) khususnya kepada Ketua Pengarah, YBhg Datuk Norliza Rofli merangkap Pengarah Program PERMATA Seni yang telah berjaya membangunkan program didikan dan pembelajaran berstruktur untuk anak-anak berbakat dalam bidang seni koir, muzik dan juga tari.

Barisan tenaga pengajar PERMATA Seni Tari yang telah bertungkus lumus memberikan tunjuk ajar serta ilmu kepada anak-anak PERMATA Seni Tari diketuai oleh Koreografer;

Encik Muhammad Akmal bin Ayob  
Puan Sufinah binti Abu Bakar  
Puan Nik Nurazlina binti Nik Ibrahim  
Puan Yang Mardhiah binti Tabari  
Encik Nazri bin Zahauddin  
Encik Norle Eddysham bin Ahmad  
Encik Fairuz bin Tauhid

Pengorbanan serta sokongan ibu bapa anak-anak PERMATA Seni Tari yang sentiasa berdiri teguh di belakang program PERMATA Seni Tari sejak mula diwujudkan 5 tahun yang lalu.

Program PERMATA Seni merupakan program untuk mencungkil serta mengasah bakat anak-anak yang cemerlang dalam bidang seni tari, muzik dan koir. Program PERMATA Seni telah dilancarkan pada 20 Januari 2010 oleh YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri kepada YAB Perdana Menteri Malaysia yang juga merupakan Penaung kepada Program PERMATA. Pelaksanaan program ini diselaraskan sepenuhnya oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Program PERMATA Seni boleh dibahagikan kepada 3 bidang iaitu Tari dan Koir yang dikelolakan oleh JKKN manakala Muzik dikelolakan oleh Istana Budaya. Kedua-dua agensi ini di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Disediakan oleh:

**Bahagian Bimbingan Seni Budaya dan Unit Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara**  
**Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan MALAYSIA**  
**03-2614 8200**  
**[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)**